



**HAIRUDDIN Mohd. Amir** berkongsi kegembiraan bersama isteri dan anak-anaknya selepas menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD.) dalam bidang Sains Perniagaan pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-37 di Serdang, semalam.

## Arwah ibu pembakar semangat

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Meskipun terpaksa menempuh pelbagai cabaran dalam mengharungi kehidupan, namun semangat Hairuddin Mohd. Amir, 49, tidak pernah luntur untuk mengecapi kejayaannya.

Dia yang berasal dari Batu Pahat, Johor menjadikan arwah ibunya sebagai pembakar semangat untuk memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD.) dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Saya menjadikan arwah ibu sebagai ikon dan motivasi untuk meneruskan pelajaran biarpun sudah mendirikan rumah tangga dan me-

miliki empat orang cahaya mata.

“Di saat arwah ibu saya tenat melawan penyakit sarafnya, saya mengambil keputusan untuk menanggung pengajian selama dua semester demi menjaga ibu dan menanggung 10 adik-beradik yang lain,” katanya ketika ditemui selepas menerima ijazah dalam Konvokesyen UPM Ke-37, Serdang dekat sini hari ini.

Sebanyak 7,149 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu PhD., sarjana, sarjana muda dan diploma dalam majlis konvokesyen yang di-

adakan selama empat hari bermula hari ini.

Lulusan PhD. Sains Perniagaan Tani itu berkata, pengorbanan seorang ibu tiada batas, bahkan tidak mampu dibalas biarpun setinggi mana taraf pendidikan seorang anak.

“Ibu selalu memberi dorongan kepada saya untuk terus melanjutkan pengajian dan kini PhD. akan saya titipkan kepadanya.

“Kepada anak-anak yang masih muda, manfaatkan peluang pendidikan yang diberikan untuk terus melakarkan senyuman ibu bapa dengan kejayaan,” katanya.